



**TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI BULAN NOVEMBER 2025
PADA 6 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)**

Salam sejahtera, Selamat pagi, Salam Malaysia MADANI,

Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah**
Timbalan Menteri Pengangkutan

Yang Berbahagia **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha Kementerian

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Ketua-Ketua Unit

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian
Pengangkutan Malaysia (MOT)

dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
yang saya hormati sekalian.

PENGHARGAAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Majlis Perhimpunan Bulan November 2025 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga MOT atas setiap usaha dan pengorbanan yang sentiasa menjadi tunjang kepada kemajuan sektor pengangkutan negara.

3. Pada hari yang penuh bermakna ini, kita berhimpun bukan sekadar untuk menyemarakkan semangat kebersamaan, tetapi juga untuk meraikan pencapaian MOT sepanjang bulan September hingga Oktober 2025.

A. PENCAPAIAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN BULAN SEPTEMBER-OKTOBER 2025

Hadirin sekalian,

4. Dengan semangat inovasi dan kesungguhan seluruh warga MOT, kita terus merekodkan pelbagai pencapaian yang membanggakan. Sehubungan dengan itu, izinkan saya berkongsi beberapa sorotan utama:

i) PENCAPAIAN SEKTOR REL DAN DARAT

5. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Sektor Rel dan Darat telah mencapai pelbagai kejayaan sepanjang bulan September dan Oktober 2025.

6. Pada 9 September 2025, Malaysia telah menjadi tuan rumah *45th ASEAN Railways CEO's Conference* di Kuala Lumpur. Persidangan ini diadakan bertujuan untuk memperkukuh rangkaian rel serantau serta menyokong *ASEAN Community Vision 2045* dan inisiatif hijau di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

7. Pada 27 September 2025, BAS.MY Kota Kinabalu dilancarkan dengan peruntukan sebanyak RM88 juta bagi tempoh lima tahun di bawah Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST). Manakala pada 30 September 2025 pula, BAS.MY Kuala Terengganu telah dilancarkan dengan lapan (8) laluan baharu, bas mini mesra OKU serta tambang percuma untuk warga emas, OKU dan pelajar.

8. Pada 29 September 2025 pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah merasmikan Terminal Bersepadu Gombak (TBG), yang merupakan sebuah projek mercu tanda pengangkutan awam

darat yang dibangunkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

9. Terminal moden bernilai RM307.4 juta ini menjadi hab pengangkutan darat utama yang dijangka mampu menampung 25,000 orang penumpang setiap hari dan menghubungkan bas ekspres, LRT Laluan Kelana Jaya, serta bakal berintegrasi dengan Stesen ECRL Gombak apabila siap kelak. Dengan kedudukan strategik sebagai gerbang ke Pantai Timur, TBG dijangka memperkukuh kesalinghubungan antara Koridor Barat dan Koridor Timur, sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi rantau Pantai Timur.

ii) PENCAPAIAN SEKTOR MARITIM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

10. Kita beralih pula kepada Sektor Maritim, sektor ini bukan sahaja mencerminkan kekuatan infrastruktur logistik Malaysia, malah menunjukkan keupayaan kita yang dapat bersaing di peringkat global hasil strategi pengukuhan sektor maritim yang berkesan dan berpandangan jauh.

11. Satu berita yang amat membanggakan buat kita semua diterima pada 1 September 2025, apabila *Lloyd's List* 2025 mengumumkan bahawa Pelabuhan Klang kini berada di tangga

ke-10 dalam senarai 100 Pelabuhan Utama Dunia, sekali gus menempatkannya dalam kelompok 10 pelabuhan kontena paling sibuk di dunia buat julung kalinya dalam sejarah negara.

12. Pada tahun 2024, Pelabuhan Klang mencatat pengendalian sebanyak 14.64 juta TEUs, meningkat hampir 4.1% berbanding tahun sebelumnya mengatasi Pelabuhan Hong Kong dan menjadikan Malaysia antara negara yang disegani dalam industri pelabuhan dunia.

13. Selain itu, pada 2 September 2025, *Malaysia–Africa Maritime & Port Management Knowledge Exchange 2025* telah dilancarkan di Johor Bahru, menghimpunkan 35 peserta dari 12 negara Afrika termasuk Malaysia.

14. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memperkuat kerjasama antarabangsa dalam bidang maritim di bawah naungan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), dan meletakkan Malaysia sebagai rakan strategik global dalam perkongsian ilmu pelabuhan dan pengurusan maritim.

15. Pada 3 Oktober 2025, MOT telah menganjurkan *Bengkel Green Bunkering Regulatory Roadmap: Towards A National Policy*, bengkel ini dianjurkan sebagai langkah penting ke arah pembangunan dasar kebangsaan bagi aktiviti '*bunkering*' bahan api hijau.

16. Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih daripada 100 peserta daripada pelbagai agensi dan pemain industri maritim. Ia menandakan satu detik penting dalam perjalanan Malaysia menuju dekarbonisasi sektor maritim, apabila semua pihak berkepentingan berganding bahu memuktamadkan pelan hala tuju strategik ke arah masa depan maritim yang lebih hijau dan lestari.

17. Seterusnya pada 9 Oktober 2025, saya sendiri berpeluang menyempurnakan pelancaran Hab Serantau *Intra-Asia Tailwind* di Pelabuhan Klang.

18. Untuk makluman, Tailwind yang ditubuhkan pada tahun 2022 oleh Lidl, merupakan salah satu peruncit terbesar di Eropah dan telah berkembang pesat dalam menyediakan perkhidmatan perkapalan yang menghubungkan Asia dan Eropah. Dengan Pelabuhan Klang dilantik sebagai hab pemindahan muatan utama Tailwind, kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pintu gerbang perdagangan global, malah meneguhkan peranan negara sebagai pusat logistik serantau yang utama di Asia.

iii) PENCAPAIAN SEKTOR UDARA

19. Seterusnya, bagi sektor udara, MOT terus mencatat pelbagai kejayaan dan inisiatif penting yang memperkukuh keselamatan, kecekapan, serta daya saing industri penerbangan negara di peringkat antarabangsa.

20. Pada 17 September 2025, saya telah berpeluang menyempurnakan pelancaran identiti korporat baharu Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), menandakan komitmen baharu CAAM terhadap keselamatan penerbangan, integriti pengawalseliaan dan tadbir urus bertaraf antarabangsa.

21. Pada 18 September 2025, saya juga menyempurnakan majlis pelancaran kerjasama udara Malaysia–China melalui inisiatif Zhengzhou–Kuala Lumpur *Air Silk Road*, yang mana kerjasama strategik ini menjadi satu simbol hubungan udara yang semakin kukuh antara kedua-dua negara, khususnya dalam memperluas jaringan perdagangan dan logistik udara serantau.

22. Sejak diperkenalkan, laluan udara ini telah mencatat lonjakan muatan kargo yang amat ketara, daripada 437 tan pada tahun 2023 kepada lebih 11,000 tan setakat September 2025. Peningkatan ini jelas membuktikan keyakinan rakan antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia sebagai hab logistik udara serantau, disokong oleh pembangunan Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis yang sedang giat dilaksanakan.

23. Manakala pada 26 September 2025, Majlis Pecah Tanah Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Tawau bernilai RM120.9 juta telah diadakan. Projek ini bakal meningkatkan kapasiti lapangan terbang kepada 2.5 juta penumpang setahun (mppa), dari 1.5 mppa sekarang, serta menambah baik kemudahan terminal demi keselesaan rakyat Sabah.

24. Kita juga turut meraikan satu lagi kejayaan membanggakan apabila Kuala Lumpur International Airport (KLIA) telah diiktiraf oleh *OAG Megahubs 2025* sebagai lapangan terbang paling tersambung di Asia Pasifik dan keempat paling tersambung di dunia dan lebih membanggakan, KLIA turut dinobatkan sebagai Hab Kos Rendah (Low-Cost Carrier) nombor satu dunia, mengatasi lapangan terbang utama lain di rantau ini. Menurut laporan *OAG Megahubs 2025* juga, KLIA mencatat lebih 36,000 sambungan antarabangsa kepada 151 destinasi, menjadikan Malaysia antara negara yang memiliki sistem penerbangan paling efisien dan strategik di dunia.

25. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada 30 September 2025, Malaysia telah dipilih semula sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) (Part III) bagi penggal 2025-2028 dengan memperoleh 154 undi, menandakan kepercayaan antarabangsa yang tinggi terhadap kepimpinan kita dalam penerbangan awam global.

iv) PEMERKASAAN INISIATIF KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN JALAN RAYA

26. Dari aspek keselamatan jalan raya, MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terus memperkukuh peranan dan tanggungjawabnya dalam memastikan keselamatan pengguna di seluruh negara melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif baharu yang berimpak tinggi.

27. Pada 11 September yang lalu, JPJ telah melancarkan Kempen “Klik Sebelum Gerak”, sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemakaian tali pinggang keledar, sama ada di tempat duduk hadapan mahupun belakang.

28. Mulai 1 Oktober 2025, kerajaan melalui MOT telah mewajibkan pemasangan *Speed Limitation Device* (SLD) bagi semua bas dan kenderaan berat yang berdaftar bermula 1 Januari 2015. Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan kerajaan dalam mencegah kemalangan jalan raya yang berpunca daripada pemanduan melebihi had laju, khususnya bagi kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam.

29. Sebagaimana tuan-puan sedia maklum, pelaksanaan SLD ini dilaksanakan secara berperingkat. Bagi Fasa Kedua, pelaksanaan akan bermula 1 Januari 2026 melibatkan kenderaan yang didaftarkan sebelum tahun 2015, manakala Fasa Ketiga akan bermula 1 Julai 2026 bagi pemasangan retrofit ke atas kenderaan yang belum dilengkapi dengan sistem ini. Kenderaan berat yang gagal mematuhi keperluan SLD tidak akan melepasi pemeriksaan PUSPAKOM dan boleh dikenakan tindakan penggantungan operasi.

30. Saya ingin menegaskan komitmen kerajaan melalui JPJ dalam memperkukuh integriti dan keberkesanan penguatkuasaan jalan raya. Bermula November 2025, anggota penguatkuasa JPJ di seluruh negara akan mula dilengkapi dengan *Body-Worn Camera* (BWC) dalam fasa awal sebanyak 100 unit, dengan peruntukan sebanyak RM2.3 juta.

31. Penggunaan BWC ini bertujuan untuk memastikan setiap tindakan penguatkuasaan direkod secara langsung, meningkatkan ketelusan, melindungi pegawai daripada dakwaan tidak berasas dan memperkukuh kepercayaan awam terhadap proses penguatkuasaan.

32. Sebagaimana semua sedia maklum juga, bahawa mulai 1 Januari 2026, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melaksanakan sistem kompaun

saman yang diselaraskan, berkonsepkan “*The Less You Delay, The Less You Pay*” Pendekatan baharu ini dirangka bagi mewujudkan sistem penalti yang lebih adil dan progresif, serta menggalakkan rakyat untuk menjelaskan saman dengan lebih cepat tanpa perlu menunggu tawaran diskaun khas.

33. Sebagai langkah peralihan sebelum pelaksanaan penuh sistem ini, kerajaan telah memperkenalkan tempoh khas mulai 1 November hingga 30 Disember 2025, di mana orang ramai masih boleh menikmati diskaun antara 50 hingga 70 peratus bagi saman JPJ dan PDRM.

**v) PEMERKASAAN BELANJAWAN MADANI 2026:
MEMPERKUKUH SISTEM PENGANGKUTAN UNTUK
RAKYAT, EKONOMI DAN NEGARA**

Hadirin Sekalian,

34. MOT kekal komited melaksanakan agenda Kerajaan MADANI bagi membangunkan sistem pengangkutan yang selamat, mampan dan berorientasikan rakyat, selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI Melalui Belanjawan MADANI 2026, pelbagai inisiatif dilaksana bagi memperkukuh pengangkutan darat, rel, maritim, udara dan logistik negara dengan

menekankan aksesibiliti, keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

35. Bagi sektor darat, Kerajaan memperkenalkan pengecualian cukai dan duti bagi teksi nasional, geran pelupusan kenderaan lama, lesen motosikal percuma untuk belia, serta penambahan laluan bas dan kemudahan Van Mobiliti OKU. Di sektor rel, projek utama seperti RTS Link Johor Bahru–Singapura, LRT3 Shah Alam, ECRL, Landasan Berkembar Gemas–Johor Bahru dan LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang menjadi pemangkin jaringan rel moden negara. Inisiatif seperti MyRailLife dan penggantian tren LRT baharu turut mempertingkatkan keselesaan penumpang serta mengurangkan kos sara hidup.

36. Bagi sektor maritim dan udara, pembangunan TVET Marine UMT, naik taraf jeti di Sabah, serta penambahbaikan lapangan terbang utama dan projek SARP Subang memperkukuh daya saing negara dalam industri logistik dan aeroangkasa. Subsidi RM209 juta bagi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) memastikan penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak terus menikmati akses udara. Selain itu, pembangunan Selangor Aero Park (SAP) dan Pelabuhan Darat Perlis (PIP) memperkukuh hab logistik serantau dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

B. MAJLIS CAHAYA KASIH, HARAPAN MADANI

Tuan-puan yang dikasihi sekalian,

37. Sebagai kesinambungan semangat sambutan Deepavali 2025 yang baru sahaja kita raikan, saya harap tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Deepavali kepada semua rakan-rakan beragama Hindu, semoga sambutan baru-baru ini membawa sinar kebahagiaan dan kedamaian kepada anda sekeluarga.

38. Tema majlis pada kali ini, “**Cahaya Kasih, Harapan MADANI**”, amat bertepatan dengan semangat Deepavali yang melambangkan kemenangan cahaya kebaikan, serta falsafah MADANI yang menekankan kesejahteraan insan dan keharmonian masyarakat.

39. Walaupun perayaan Deepavali telah berlalu, nilai dan makna di sebaliknya kekal segar mengingatkan kita semua bahawa kasih, pengertian, dan harapan perlu terus menyinari kehidupan harian kita, di tempat kerja mahupun dalam komuniti.

40. Majlis pada hari ini bukan sekadar acara sosial, namun ianya merupakan lambang kesepaduan dan kasih antara warga kerja MOT serta agensi yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama, menzahirkan komitmen kita untuk terus mengamalkan

semangat bekerja yang harmoni dan semangat perpaduan dalam kepelbagaian.

Penutup

Hadirin sekalian,

41. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia serta seluruh pasukan penganjur yang telah bertungkus-lumus menjayakan perhimpunan bulanan pada hari ini dengan begitu teratur dan berkesan. Komitmen dan dedikasi anda semua amat saya hargai.

42. Kejayaan demi kejayaan yang kita kecapai hari ini adalah hasil kerjasama dan kesungguhan semua pihak daripada barisan kepimpinan sehinggalah ke warga pelaksana di lapangan.

43. Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua warga kerja MOT dan agensi terlibat yang terus mengharumkan nama Kementerian di persada negara.

Sekian, terima kasih.